

Puteri Perak bukukan esei mengenai Dr Mahathir

134 - 8 SEP 2003

IPOH: Puteri Umno Perak akan membukukan esei mengenai Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang diterima dalam pertandingan menulis esei yang dianjurkannya sepanjang September ini.

Ketuanya, Noor Asmah Mohd Nawawi, berkata buku berkenaan akan diserahkan kepada Perdana Menteri sebelum beliau bersara Oktober ini.

Beliau berkata, penyertaan pertandingan yang akan berakhir 30 September ini bertujuan merealisasikan tanda kasih sayang dan terima kasih rakyat terhadap Dr Mahathir.

"Ia hanya usaha kecil yang dapat diluahkan rakyat berbanding pencapaian besar sepanjang kepemimpinan 22 tahun Dr Mahathir.

"Sekurang-kurangnya dengan cara ini, orang ramai dapat meluahkan kasih sayang terhadap pemimpin yang banyak membawa kemajuan negara," katanya kepada *Berita Harian*.

Noor Asmah berkata, bentuk penerbitan adalah bebas dan dibahagikan kepada dua kategori, iaitu kategori Puteri Umno yang mewakili 24 bahagian di Perak dan kategori orang ramai.

Beliau berkata, esei boleh merangkumi semua aspek ketokohan Dr Mahathir sama ada dari segi kepemimpinan politik, ketrampilan pemikiran, kejayaan membina negara dan wawasan.

Beliau berkata, bagi kategori Puteri Umno Bahagian, penyertaan mesti tidak melebihi 5,000 perkataan, manakala bagi orang ramai tidak melebihi 1,000 perkataan.

Setiap penyertaan perlu dihantar menggunakan kertas bersaiz A4 dan ditaip langkah berkembar kepada Pejabat Puteri Umno Perak, Tingkat 3, Bangunan Umno, Jalan Sultan Idris Shah, 30000, Ipoh, Perak selewat-lewatnya 30 September.

Setiap penyertaan perlu disertakan nama penuh penulis, nombor kad pengenalan, alamat, nombor telefon dan tarikh lahir.